

BH 6.9.08

Sidang niaga gah di sini bulan depan

Oleh NORHAIZA HASHIM

norhaiza@sph.com.sg

SATU sidang perniagaan berprofil tinggi, yang buat pertama kali akan menghimpunkan Presiden S R Nathan, Perdana Menteri Lee Hsien Loong, Menteri Pembimbing Lee Kuan Yew dan Menteri Kanan Goh Chok Tong sebagai penceramah dalam satu sidang, akan diadakan bulan depan.

Sidang perniagaan 'PBD Singapore' itu dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan India Singapura (Sicci), Kementerian Ehwal Luar Negeri India dan Persekutuan Industri India, dengan sokongan kuat daripada pemerintah India dan Singapura.

India juga menghantar empat menteri bagi sidang itu termasuk Menteri Perdagangan dan Industri, Encik Shri Kamal Nath, dan Menteri Eh-

wal Luar Negeri India, Encik Shri Vayalar Ravi. Ia akan diadakan dari 9 hingga 11 Oktober ini di Pusat Konvensyen Suntec.

PBD Singapore dimodelkan sempena Sidang Pravasi Bharatiya Divas (PBD), yang bermakna diaspora, yang diadakan di India 9 Januari setiap tahun bagi mengenang Bapa Kemerdekaan India, mendiang Mahatma Gandhi, yang tinggal di Afrika Selatan hampir dua dekad dan pulang ke India pada 1915.

PBD bertujuan menghimpunkan keturunan India di luar negara pulang ke India bagi membincangkan isu-isu sosial, ekonomi dan politik.

Tahun lalu, Timbalan Perdana Menteri Profesor S. Jayakumar, yang merupakan penceramah khas ke sidang itu, menyarankan supaya Singapura menjadi hos kepada satu sidang PBD lebih kecil yang memberi tumpuan kepa-

da sektor perniagaan di Asia Pasifik.

"Pemerintah India bersetuju dengan saranan itu kerana Singapura merupakan lokasi menarik bagi para peniaga India yang menjadikan Singapura sebagai pusat niaga mereka.

"Oleh itu, sidang tersebut mendapat sokongan padu daripada pemerintah Singapura dan India. Saya tidak ingat jika ada sidang yang berjaya menarik Presiden, PM, MM dan SM dalam satu sidang," kata Encik Sat Pal Khattar, Pengerusi Jawatankuasa Berpandu bagi PBD Singapore.

Profesor S. Jayakumar merupakan penasihat bagi sidang itu yang ditaja oleh Temasek Holdings.

Sehingga 700 peserta terdiri daripada pegawai pemerintah, peniaga dan ketua syarikat dijangka menghadiri sidang itu, dengan 70 peratus diramal dari luar negara.